



03 APR, 2023

Harga siling ayam, telur kekal

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

Harga siling ayam, telur kekal

Johor Bahru: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memutuskan untuk mengekalkan harga siling ayam dan telur sehingga selepas perayaan Aidilfitri.

Menterinya Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, pihaknya juga memberi jaminan bekalan ayam dan telur mencukupi serta dijual mengikut harga siling yang ditetapkan sepanjang Ramadan dan Aidilfitri.

Beliau berkata, KPDN juga akan melakukan pemantauan setiap hari sepanjang Ramadan ini, bagi memastikan tiada isu kenaikan harga berlaku.

“Kerajaan tidak beradang mengangkat (naikkan) harga siling, ini kita sudah putus dalam Kabinet.

“Pasukan KPDN dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) juga sudah mengadakan libat urus, dan setakat ini kita memberikan jaminan bekalan (ayam dan telur) mencukupi dan ia dijual pada harga siling yang sudahpun

ditetapkan,” katanya selepas mengadakan *walk about* Jualan dan Pakej Barangan Rahmah di pasar raya Hwa Thai di sini, kelmarin.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada KPDN melihat harga siling bagi ayam dan telur akan dinaikkan.

Salahuddin berkata, pemain industri juga memberi jaminan dan menyatakan kesediaan mereka untuk membuat lebih pengeluaran ayam dan telur pada bulan Ramadan berikutan peningkatan permintaan.

“Saya diberitahu bahawa bekalan (telur dan ayam) akan meningkat pada Ra-

madan dan Aidilfitri, saya juga sudah berjumpa dengan pemain industri dan mereka memberikan jaminan dan bersedia untuk membuat lebih pengeluaran, jadi itu satu jaminan yang diberikan kepada KPDN,” katanya.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu baru-baru ini berkata, harga siling runcit semasa bagi ayam standard adalah RM9.40 sekilogram, manakala harga siling runcit telur bagi Gred A pada 45 sen sebiji, Gred B (43 sen sebiji) dan Gred C (41 sen sebiji), masing-masing di Semenanjung, sementara Langkawi, Sabah, Sarawak dan Labuan, harga maksimum bagi kedua-dua makanan itu adalah berbeza mengikut zon dan daerah.

Mohamad Sabu juga dipetik sebagai berkata, harga ayam dan telur dijangka diapungkan selepas Jun ini dalam usaha kerajaan memastikan masalah kekurangan bekalan makanan itu dapat diatasi.



SALAHUDDIN



03 APR, 2023

Harga siling ayam, telur kekal

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Johor Bahru: Kem en t er i a n Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memutuskan untuk mengekalkan harga siling ayam dan telur sehingga selepas perayaan Aidilfitri. Menterinya Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, pihaknya juga memberi jaminan bekalan ayam dan telur mencukupi serta dijual mengikut harga siling yang ditetapkan sepanjang Ramadan dan Aidilfitri. Beliau berkata, KPDN juga akan melakukan pemantauan setiap hari sepanjang Ramadan ini, bagi memastikan tiada isu kenaikan harga berlaku.